

AAB

Mahathir - Gaji

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Kakitangan kerajaan akan menerima kenaikan gaji sementara sebanyak lima peratus berkuatkuasa 1 Jan 1991, demikian diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kakitangan kerajaan juga dijangka menerima kenaikan tambahan, selain kenaikan lima peratus itu, selepas kerajaan menyiapkan kajian penyusunan semula gaji sebelum akhir tahun ini.

Kenaikan lima peratus itu akan berdasarkan gaji asas yang sedang dibayar sebelum penyusunan semula dibuat, katanya pada persidangan akhbar di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Selepas kajian itu dibuat, sekiranya seseorang itu sepatutnya menerima kenaikan sebanyak tujuh peratus, maka tambahan dua peratus lagi akan diberikan, katanya.

Bagi kakitangan yang sudah menerima kenaikan gaji ekoran penyusunan semula struktur gaji perkhidmatan masing-masing seperti perguruan dan teknikal, tambahan gaji akan diberi jika kenaikan itu tidak mencapai lima peratus. -- Lagi.

♥23/01/17-14MST

U GB 23-01 00128 BH505

AAB

Mahathir - Gaji 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pembayaran gaji bagi kenaikan lima peratus itu akan dibayar pada bulan Februari, jika tidak sempat dilaksanakan bulan ini.

Katanya, kenaikan gaji itu akan melibatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak kira-kira \$409 juta setahun.

Perdana Menteri memberi amaran kepada para peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan atau perkhidmatan ekoran kenaikan gaji itu.

Katanya, tambahan perbelanjaan kerajaan bagi pembayaran gaji itu diperolehi hasil peningkatan ekonomi negara yang pulih sepenuhnya dan tidak ada kena mengena dengan kenaikan sebarang cukai.

Menurutnya, peniaga tidak boleh memberi alasan kenaikan cukai atau apa-apa kos untuk menaikkan harga kerana kerajaan sebenarnya telah menurunkan cukai dalam Belanjawan 1991 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan. -- Lagi.

♥23/01/17-15MST

CNS0362

U GB 23-01 00150 BH506

AAB

Mahathir - Gaji 3 Kuala Lumpur

+Kerajaan tidak menaikkan sebarang cukai untuk mendapatkan wang yang cukup bagi membayar gaji kakitangan kerajaan. Saya menekankan perkara ini kerana biasanya peniaga memberi alasan kenaikan cukai dan kos untuk menaikkan harga apabila sahaja kakitangan kerajaan mendapat tambahan gaji,+ katanya.

+Tidak ada makna jika kerajaan memberi kenaikan gaji jika harga barangan turut dinaikkan,+ katanya dan menambah kata, ia akan hanya mengecewakan kakitangan dan juga kerajaan.

Kerajaan sendiri sentiasa berusaha mengawal kenaikan harga seperti yang dilakukan dengan memberi subsidi kepada harga petroleum, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kenaikan gaji sementara sebanyak lima peratus ini ialah sebagai satu langkah untuk mempercepatkan pemberian nikmat kepada kakitangan kerajaan kerana kajian penyusunan semula gaji akan memakan masa, katanya.

Perdana Menteri berkata, tawaran kenaikan itu telah dikemukakan kepada Cuepacs dan telah dipersetujui oleh jawatankuasa kesatuan sekerja itu. -- Lagi.

♥23/01/17 01MST

CNS0374

U GB 23-01 00131 BH507

AAB

Mahathir - Gaji 4 Kuala Lumpur

Walaupun mereka menerima tawaran itu, Cuepacs telah mencadangkan supaya golongan tertentu terutama yang berpendapatan rendah mendapat kenaikan tujuh peratus serta pembayaran dibuat dalam angka genap.

+Misalnya jika angka itu melibatkan beberapa sen atau beberapa ringgit, maka patutlah dijadikan angka genap seperti \$21.70 atau \$23, semuanya dijadikan \$25,+ katanya.

Cuepacs juga mencadangkan perlaksanaan dibuat mulai 1 Jan 1989, katanya.

Ragaimanapun, kerajaan tidak mempersetujui cadangan pertama kerana ia akan memberi kesan kepada kajian yang akan dibuat sedangkan mereka mungkin akan memperolehi kenaikan tujuh peratus dalam semakan gaji itu kelak, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Kerajaan akan menimbangakan cadangan mengenai bayaran mengikut angka genap tetapi tidak dapat menerima cadangan mengenai tarikh melaksanakan pembayaran itu, jelasnya. -- Lagi.

♥23/01/17-27MST

CNS0394

U GB 23-01 00141 BA624

Aab

Mahathir - Gaji 5 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa Kabinet telah memutuskan supaya semakan gaji diuruskan oleh sebuah jawatankuasa khas Kabinet yang dipengerusikan oleh beliau.

Mengenai pertambahan perbelanjaan bagi pembayaran pencen ekoran kenaikan gaji itu, beliau berkata kerajaan telah mengasingkan sebanyak \$500 juta setahun untuk Tabung Pencen yang diwujudkan sejak dua tahun lepas.

Katanya, tabung itu diwujudkan untuk mengurangkan tekanan ke atas tabung yang disatukan, yang sebelum ini menjadi sumber untuk membayar pence...

Tabung itu hanya melibatkan caruman kerajaan tanpa melibatkan caruman kakitangan kerajaan, tambahnya.

Yang turut hadir pada persidangan akhbar itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Mahmud Taib. -- Bernama.

♥23/01/17-35MST

RAH